

Kelebihan bertugas dalam Program Felo Perdana guna tarik minat terhadap sains

UTUSAN MALAYSIA (M/S. 9)

24 MAC 2016

PELUANG menyertai Program Felo Perdana mahu digunakan sebaik mungkin bagi membangunkan minat golongan muda terhadap bidang sains.

Niat utama adalah meningkatkan tahap pemahaman dan kecenderungan pelajar dalam bidang yang mempunyai potensi besar dalam kerjaya.

Itu hasrat Lydia Hong Wen Xin, 24, yang berpeluang mengikuti program di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tersebut selama enam bulan dan berakhir bulan Februari lalu.

Bekas pelajar Kolej Universiti London (UCL) itu berkata, sepanjang bertugas di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pelbagai program yang dianjurkan telah memberi pendedahan yang luas kepada dirinya.

Jelasnya, melalui program yang dianjurkan oleh MOSTI, dia lebih memahami tahap kemajuan sains di negara ini dan tindakan sewajarnya harus diambil untuk memantapkan

lagi bidang tersebut.

Katanya, bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, bidang sains perlu dimantapkan bagi melahirkan modal insan yang pakar.

Sehubungan itu katanya, usaha memupuk minat masyarakat dalam bidang sains perlu bermula dari awal, setidak-tidaknya di peringkat sekolah rendah.

"Kerajaan sedang berusaha meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang sains dan MOSTI juga menuju ke arah tersebut.

"Saya amat berminat untuk menjalankan lebih banyak program sains dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan salah satu cara adalah membuat rancangan televisyen bertemakan sains bagi menarik minat golongan muda," katanya yang ditemui di Menara KBS, dekat sini, kelmarin.

Menyedari perkara tersebut katanya, dia bertekad untuk cuba membantu meningkatkan kecenderungan golongan pelajar terutama

ma dalam kalangan sekolah rendah untuk lebih meminati bidang sains menerusi ilmu yang dimiliki.

Menurutnya, dia sangat berminat untuk menjalankan usaha meningkatkan aktiviti atau program sains di negara ini.

Jelasnya, sasaran dia ialah pelajar sekolah rendah bagi menggalakkan mereka meminati bidang sains yang penuh dengan keseronokan.

Menurutnya, pengalaman menyertai pelbagai program sains sepanjang di MOSTI mahu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Tegasnya, usaha memupuk minat golongan pelajar terhadap bidang sains bukan terletak di bahu kerajaan sahaja, sebaliknya semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

Sehubungan itu katanya, dia bertekad untuk menjalankan aktiviti yang boleh membantu menggalakkan kecenderungan golongan muda terhadap bidang sains.

Menuntut dalam bidang Biologi



PESERTA Program Felo Perdana bergambar kenangan dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Hindias Yungus semasa pengantaraan Leadership Lecture Series kali ke-8 anjuran Alumni Felo Perdana pada bulan Januari lalu.

Molekular, Wen Xin telah ditugaskan di MOSTI berdasarkan kursus yang diambil di London.

Katanya, sepanjang bertugas di

MOSTI, dia melihat banyak peluang kerjaya yang boleh diceburi oleh orang ramai di dalam bidang sains.

"Dunia sains sangat luas. Saya

melihat pelbagai peluang kerjaya yang boleh diterokai oleh anak muda apabila memilih bidang sains sebagai pilihan," katanya.